

SINOPSIS

Novel ini mengisahkan kemelut yang melanda keluarga Zulkifli Md. Zain. Zulkifli bekerja sebagai pembantu hospital atau atendan di Hospital Kuala Lumpur (HKL). Isterinya Busrah bertugas sebagai guru di Sekolah Bandar Tun Razak (2). Zulkifli mempunyai dua orang anak iaitu Nadhirah dan Hazli. Nadhirah mengidap penyakit hati dan hempedu yang bertambah kronik apabila usianya menjangkau 14 tahun. Zulkifli menghadapi masalah kewangan apabila Nadhirah disarankan agar mendapat rawatan di hospital pakar di London yang menelan belanja sebanyak RM350,000. Bushrah bersedia mendermakan sebahagian hatinya untuk menyelamatkan anaknya Nadhirah. Pelbagai pihak memberikan reaksi positif dan negatif terhadap pengorbanan Bushrah. Mulyadi, kawan lama Zulkifli mencadangkan supaya Zulkifli memohon bantuan daripada ahli korporat. Setelah berbincang dengan isterinya, Zulkifli mendedahkan masalah keluarganya melalui akhbar Utusan Malaysia. Berita penderitaan Nadhirah telah menarik perhatian Tan Sri Shamsuddin, iaitu Pengarah Sapura Holding. Beliau dan isterinya telah bersetuju untuk menghulurkan sumbangan sebanyak RM 350,000 bagi kos rawatan Nadhirah dan penginapan Zulkifli sekeluarga di London. Pembedahan pemindahan hati yang melibatkan kedua – dua pihak iaitu penderma dan penerima yang masih hidup julung – julung kali diadakan telah berjaya. Pembedahan itu diketuai oleh Dr Tan Kah Chai, anak Malaysia di Hospital King's College. Zulkifli sekeluarga amat bersyukur atas kejayaan itu. Nadhirah dan Bushrah beransur –ansur pulih setelah menjalani pembedahan. Lima tahun berlalu, Nadhirah melanjutkan pelajarannya di ITM, Shah Alam dalam bidang perakaunan. Zulkifli bertugas sebagai Pengarang Sastera di Minggu Malaysia. Pada suatu malam Jumaat, Bushrah mengalami sesak nafas dan menghembuskan nafas terakhirnya tepat jam 4.00 pagi. Masa terus berlalu, Nadhirah telah menamatkan pengajiannya dan bekerja di Bank Islam. Nadhirah juga telah mendirikan rumah tangga dengan seorang doktor pakar bedah di HKL. Nazli memasuki sekolah berasrama penuh di Kuala Kangsar. Zulkifli telah memperoleh ijazah Sarjana Sastera di USM dan sedang menyambung pengajiannya ke peringkat Ph.D secara sambilan.

TEMA

Kasih sayang dan pengorbanan ibu bapa dalam usaha menyelamatkan nyawa anak mereka yang menghidap penyakit berbahaya.

- Apabila kita menyayangi seseorang kita sanggup melakukan apa saja.
- Bushrah sanggup mendermakan sebahagian hatinya kepada Nadhirah.

PERSOALAN

1. Tanggungjawab suami dan bapa
 - Sebagai ketua keluarga, suami memikul tanggungjawab yang berat.
 - Zulkifli telah menunaikan tanggungjawabnya sebagai bapa dan suami dengan baik. Zulkifli sanggup membuat apa saja usaha untuk membolehkan anaknya mendapat rawatan segera di luar negara.
2. Peranan media massa
 - Media massa berperanan menyebarkan maklumat dan mempengaruhi pemikiran masyarakat terhadap isu – isu dan permasalahan semasa.

- Berita penyakit Nadhirah mendapat perhatian masyarakat apabila tersiar di dada akhbar Utusan Malaysia. Pelbagai pihak menghulurkan bantuan seperti pihak sekolah, jiran – jiran dan Tan Sri Shamsuddin.
3. Keprihatinan masyarakat
 - Sikap masyarakat yang bekerjasama dan bersatu amat penting untuk meringankan beban orang yang berada di dalam kesusahan.
 - Guru – guru dan murid – murid mengutip derma untuk membantu keluarga Zulkifli. Kesanggupan Tan Sri Shamsuddin membiayai kos rawatan Nadhirah menunjukkan keprihatinan masyarakat Malaysia.
 4. Hubungan kekeluargaan dan persahabatan yang dijalin erat.
 - Hubungan yang baik antara ahli keluarga dan sahabat dapat membantu mengurangkan beban masalah yang ditanggung oleh seseorang.
 - Hubungan Zulkifli dengan ibu bapa dan mentuanya baik. Dia meninggalkan Nazli dalam jagaan mentuanya semasa dia, Busrah dan Nadhirah ke London. Persahabatan Zulkifli dengan Mulyadi bertambah erat dan Mulyadi sentiasa memberi sokongan moral kepada Zulkifli semasa di London.
 5. Kepentingan ilmu
 - Ilmu sangat penting untuk merubah corak hidup seseorang.
 - Zulkifli gigih menyambung pelajarannya di universiti walaupun mempunyai pekerjaan yang tetap. Zulkifli berjaya mendapat ijazah Sarjana Sastera dan sedang melanjutkan pengajian ke peringkat Ph.d. Mulyadi juga melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat Ph.d di London. Kedua- dua sahabat ini berjaya merubah corak kehidupan masing – masing setelah berjaya dalam bidang akademik.

PLOT

1. Permulaan
 - Cerita dimulakan dengan perjalanan Zulkifli dan keluarganya pulang ke Kuala Linggi, Melaka untuk menghadiri kenduri arwah adik iparnya di rumah mentuanya.
 - Zulkifli juga telah bertemu dengan kawan lamanya Mulyadi di majlis perkahwinan adiknya di Felda Ulu Tebrau.
 - Zulkifli menceritakan penyakit anaknya dan memerlukan RM 350,000 sebagai kos rawatan untuk mengubati penyakit tersebut kepada Mulyadi.
2. Perkembangan
 - Zulkifli dan Busrah berbincang tentang kos rawatan Nadhirah yang belum mencukupi.
 - Mereka mengambil kata sepakat untuk meminta bantuan pihak media menyiarkan tentang penyakit Nadhirah.
 - Tan Sri Shamsuddin, Pengarah Sapura Holding sanggup menanggung kesemua kos rawatan Nadhirah dan penginapan keluarga Zulkifli di London.
3. Perumitan
 - Reaksi masyarakat yang pro dan kontra terhadap tindakan Bushrah yang mengambil keputusan untuk mendermakan sebahagian hatinya.
 - Permasalahan ini menimbulkan konflik kepada Zulkifli pada saat – saat akhir pembedahan dilakukan. Dia bersedia bertukar tempat dengan Bushrah kerana bimbang keselamatan isterinya tetapi ditentang keras oleh Bushrah.
4. Puncak/ Klimaks
 - Zulkifli bersama – sama Busrah dan Nadhirah ke London.
 - Pembedahan pemindahan hati Busrah dan Nadhirah diketuai oleh Dr. Tan Kah Chai seorang doktor pakar, rakyat Malaysia yang bermastautin di London. Pembedahan itu

- Selepas 5 tahun pembedahan dijalankan Bushrah meninggal dunia kerana sesak nafas.

sebelum kematiannya.





5. Peleraian

- Peleraian cerita ini bertumpu kepada kehidupan Zulkifli bersama – sama anaknya selepas kematian Busrah.
- Nadhirah telah menamatkan pengajiannya di ITM dan bekerja di Bank Islam. Dia juga telah berkahwin dengan seorang doktor pakar bedah.
- Zulkifli semakin berjaya dalam kerjaya dan akademik tetapi terus menduda demi cintanya kepada Bushrah.

UNSUR PLOT

Unsur Plot	Contoh
Saspen	<p><u>Pembedahan pemindahan hati Busrah ke tubuh Nadhirah</u> Peristiwa ini mewujudkan perasaan cemas, bukan sahaja kepada Zulkifli yang menunggu di dewan pembedahan tetapi juga kepada pembaca. Pembaca ingin tahu hasil daripada pembedahan tersebut.</p> <p><u>Peristiwa selepas pembedahan</u> Tempoh tindak balas tubuh Nadhirah terhadap penerimaan hati baru daripada ibunya. Pembaca ingin tahu, kesesuaian tubuh Nadhirah dengan hati tersebut.</p>
Konflik	<p><u>Konflik dalaman watak Nadhirah terhadap pengorbanan ibunya.</u> Nadhirah sering meluahkan kebimbangannya kepada Cikgu Khairani. Dia bimbang risiko yang akan dihadapi oleh ibunya.</p> <p><u>Konflik antara watak Zulkifli dengan Busrah</u> Konflik ini wujud apabila Zulkifli supaya dia sahaja yang mengambil tempat Bushrah, mendermakan hatinya kepada Nadhirah. Hasrat Zulkifli dibantah keras oleh Bushrah.</p> <p><u>Konflik Zulkifli di tempat kerja</u> Surat – surat layang tersebar tentang Zulkifli yang mengabaikan tugas kerana lebih menumpukan kepada bidang penulisan menimbulkan konflik jiwa kepada Zulkifli.</p> <p><u>Dilema Dr Tan Kai Chah antara kejaya dan tanggungjawab</u> Dr Tan Kai Chah berasa terpacu untuk menyumbangkan baktinya kepada rakyat di negara sendiri. Dia terpaksa memilih sama ada pulang ke Malaysia atau menerima tawaran lumayan bekerja di Arab Saudi.</p>
Kejutan	<p><u>Kematian Bushrah secara tiba – tiba</u> Peristiwa ini menjadi satu kejutan kerana tidak ada tanda – tanda Bushrah menhadapi kesan buruk daripada pembedahan yang dilaluinya lima tahun</p>

TEKNIK PLOT



Surat yang ditulis oleh Mulyadi kepada Zulkifli.

LATAR

Bil	Latar Masa	Peristiwa
1	Jumaat hingga lewat malam	<ul style="list-style-type: none"> - Zulkifli bertolak daripada Kuala Lumpur Ke Kuala Linggi , Melaka. - Dalam perjalanan, dia menyelamatkan mangsa kemalangan jalan raya berbangsa Sikh menyebabkan mereka sampai lewat ke rumah mertuanya.
2	Sabtu pagi hingga tengah hari	<ul style="list-style-type: none"> - Zulkifli dalam perjalanan ke Felda Ulu Tebrau untuk pulang ke rumah orang tuanya. - Perjalanannya tergendala apabila keretanya rosak. Dengan bantuan seorang pemuda Cina dia mendapatkan bantuan mekanik untuk membaiki keretanya.
3	Ahad	<ul style="list-style-type: none"> - Majlis perkahwinan adik perempuan Zulkifli di rumah orang tuanya. - Pada majlis tersebut, Zulkifli bertemu dengan rakan lamanya, Mulyadi yang menjadi pensyarah di ITM Shah Alam.
4	Hari berita tentang Nadhirah tersiar di akhbar	<ul style="list-style-type: none"> - Berita penyakit yang dihadapi Nadhirah menggemparkan masyarakat, jiran – jiran dan guru – guru di sekolah tempat Bushrah mengajar. Kutipan derma kilat dilancarkan oleh Guru Besar sekolah Bushrah. - Tan Sri Shamsuddin dan isterinya bersedia membiayai semua kos rawatan Nadhirah di London.
5	Pada hari pembedahan dan Bushrah	<ul style="list-style-type: none"> - Proses pembedahan dijangka mengambil masa selama 14 jam. - Pembedahan berjaya.
6	5 tahun selepas pembedahan Malam Jumaat hingga 4 Pagi	<ul style="list-style-type: none"> - Nadhirah sudah sihat dan sedang belajar di ITM mengambil Diploma Perakaunan. - Zulkifli bertukar kerja, sebagai pengarang sastera di Mingguan Malaysia. - Bushrah terbangun dari tidur dan mengadu sesak nafas. Bushrah meninggal dunia diribaan suaminya.
7	Beberapa tahun selepas kematian Bushrah	<ul style="list-style-type: none"> - Nadhirah tamat pengajian , bekerja di Bank Islam, Kuala Lumpur. Dan berkahwin dengan seorang doktor pakar bedah. - Nazli belajar di sekolah berasrama penuh di Kuala

		<p>Kangsar.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Zulkifli terus menduda. - Ibu bapa Bushrah meninggal dunia. Bapa Zulkifli juga telah meninggal dunia.
--	--	--

Bil	Latar Tempat	Peristiwa
1	Lebuh Raya Utara Selatan	<p>(melintasi Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan dan plaza tol)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Zulkifli melalui lebuh raya ini untuk pulang ke Melaka, rumah orang Bushrah.
2	Simpang ke Kampung Melewar	<ul style="list-style-type: none"> - Zulkifli menemui sepasang suami isteri berbangsa Sikh yang terlibat dalam kemalangan. - Dia membantu mangsa yang pengsan walaupun tidak dipersetujui oleh isterinya.
3	Hospital Seremban	<ul style="list-style-type: none"> - Kedua – dua mangsa dihantar oleh Zulkifli untuk mendapat rawatan.
4	Kuala Linggi, Melaka (Kampung orang tua Bushrah)	<ul style="list-style-type: none"> - Zulkifli dan keluarganya pulang untuk menghadiri kenduri tahlil tetapi lewat. - Zulkifli datang untuk memberitahu tentang penyakit Nadhirah dan menumpangkan Nazli selama dia, Bushrah dan Nadhirah di London. - Zulkifli singgah di rumah ini sekembali dari London sebelum pulang ke Kuala Lumpur.
5	Felda Ulu Tebrau (Kampung orang tua Zulkifli)	<ul style="list-style-type: none"> - Zulkifli pulang untuk menghadiri majlis perkahwinan adiknya. - Zulkifli bertemu dengan teman lamanya Mulyadi, yang telah berkahwin dengan wanita Perancis. - Beberapa tahun kemudian tempat ini telah bertukar menjadi kawasan perindustrian makanan dan Bandar baru.
6	Rumah Zulkifli di Jalan Mewah Satu , Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> - Rumah ini banyak merakamkan suka duka kehidupan Zulkifli sekeluarga. - Keluarga zulkifli amat terkejut dan berterima kasih kepada Tan Sri Shamsuddin yang menepon rumah mereka untuk mengatakan kesanggupannya membiayai kos rawatan Nadhirah. - Kenduri doa selamat sebelum mereka ke London diadakan di sini. - Bushrah bertemu bual oleh Mohammad Yusof wartawan Utusan Malaysia. - Nadhirah kerap tinggal di rumah jika tidak dapat hadir ke sekolah. - Bushrah meninggal dunia selepas 5 tahun pembedahan.
7	Pejabat Utusan Melayu(M) Bhd di Jalan Chan Sow Lin	<ul style="list-style-type: none"> - Zulkifli bertemu dengan wartawan Mohammad Yusof untuk meminta jasa baik supaya menyiarkan berita tentang penyakit Nadhirah di akhbar

	KL	
8	Sekolah Bandar Tun Razak (2)	- Tempat Bushrah mengajar dan mendapat simpati seluruh warga sekolah apabila berita tentang Nadhirah tersiar di akhbar.
9	Hospital Kuala Lumpur	- Tempat Zulkifli bertugas. - Nadhirah pernah menjalani pembedahan di sisni sebelum penyakitnya bertambah serius.
10	Pejabat Pengarah Syarikat Sapura Holding, Lembah Keramat, KL	- Pejabat kepunyaan Tan Sri Shamsuddin ini didatangi Zulkifli untuk menerima cek pendahuluan sumbangan sebanyak RM50,000.
11	Dewan Muktamar, Pusat Islam, KL	- Zulkifli dan Bushrah mengikuti kursus sehari tentang "Anak Cemerlang" yang disampaikan oleh Dr. Noor Laily dan Haji Mansor Sukaimi.
12	Lapangan Terbang Antarabangsa Subang	- Suasana sedih dan penuh emosi ketika Zulkifli dihantar sahabat handai termasuk Tan Sri Shamsuddin dan isteri untuk ke London bersama Nadhirah dan Busrah.
13	Rumah sewa Zulkifli di London	- Tempat Zulkifli tinggal selama mereka berada di London. - Zulkifli sering dikunjungi oleh Mulyadi yang sedang menyambung pengajiannya di peringkat Ph.d.
14	Hospital King's College	- Tempat Nadhirah dan Bushrah menjalani pembedahan pemindahan hati. - Tempat Dr. Tan Kai Chah bertugas sebagai doktor pakar.
15	Kotaraya London	- Zulkifli sekeluarga melawat istana Buckingham, Zoo London dan beberapa tempat menarik selepas kesihatan Nadhirah dan Bushrah semakin pulih.
16	Tanah Perkuburan Islam, Kampung Cheras Baru	- Bushrah disemadikan buat selama – lamanya.

3	Golongan penulis dan wartawan	- Golongan ini diwakili oleh Zulkifli sendiri yang merupakan penulis sambilan sebelum menjadi pengarang sastera di Minggu Malaysia. - Mohammad Yusof, seorang wartawan membuktikan bahawa mata pena seorang wartawan mampu mempengaruhi masyarakat. Tulisannya mengenai penderitaan Nadhirah berjaya menarik simpati pelbagai pihak.
4	Golongan pendidik dan murid	- Guru – guru Sekolah Bandar Tun Razak (2) adalah golongan pendidik yang mempunyai sikap prihatin, bekerjasama dan bertanggungjawab. - Cikgu Khairani sanggup datang ke rumah Nadhirah untuk mengajar Nadhirah tanpa apa – apa ganjaran. - Golongan murid diwakili oleh murid Sekolah Bandar Tun Razak(2) yang begitu prihatin terhadap rakan sebaya mereka, Nadhirah. - Mulyadi mewakili golongan pendidik di institusi pengajian tinggi.
	Masyarakat majmuk	- Gambaran masyarakat majmuk yang bertolak ansur dan tolong – menolong tanpa mengira kaum dapat dilihat dalam peristiwa – peristiwa Zulkifli menolong pasangan Sikh yang terlibat dalam kemalangan. - Selain itu, seorang pemuda Cina telah membantu Zulkifli mendapatkan bantuan mekanik setelah keretanya rosak dalam perjalanan ke Felda Ulu Tebrau.

SUSUT PANDANGAN

Bil	Latar Masyarakat	Huraian
1	Masyarakat kota	- Terdiri daripada pelbagai peringkat sosial dan status ekonomi. - Zulkifli boleh dikelaskan sebagai golongan menengah yang mempunyai pekerjaan tetap dan berijazah. Isterinya pula seorang guru. - Tan Sri Shamsuddin pula golongan masyarakat kota yang kaya, hidup mewah dan memiliki sebuah syarikat yang besar. Beliau sanggup mengeluarkan wang yang banyak untuk rawatan Nadhirah adalah lambang keprihatinan warga korporat. - Masyarakat kota di Bandar Tun Razak, tempat tinggal Zulkifli digambarkan mempunyai sikap tolong – menolong dan bekerjasama.

1. Novel Panas Salju mengambil sudut pandangan orang ketiga.
2. Pengarang memilih Zulkifli sebagai fokus cerita, kerana penceritaan pengarang banyak bertumpu kepada permasalahan yang dihadapi oleh Zulkifli.
3. Pada waktu – waktu atau peristiwa – peristiwa tertentu , pengarang menyorot konflik yang dialami oleh Bushrah, Nadhirah dan Dr. Tan Kai Chah.
4. Pengarang tidak terlibat langsung dalam perkembangan plot novel ini. Ia berfungsi sebagai pencerita dari luar cerita tetapi memilih satu watak sebagai watak utama cerita.

WATAK DAN PERWATAKAN

WATAK UTAMA

ZULKIFLI

LATAR BELAKANG

- Sudah berkeluarga. Isterinya bernama Bushrah.
- Mempunyai 2 anak, Nadhirah dan Nazli.
- Bekerja sebagai pembantu hospital di Hospital Kuala Lumpur secara kontrak.
- Belajar secara sambilan di USM sehingga mendapat Ijazah Pertama.
- Selepas kematian Bushrah, Zulkifli menyambung pengajiannya mendapatkan Ijazah Sarjana dan sedang meneruskan pengajian ke peringkat Ph.d.
- Setelah tamat kontrak dengan HKL dia bekerja sebagai pengarang sastera di Mingguan Sastera.
- Aktif menulis skrip drama radio dan pelbagai artikel di akhbar sejak bujang lagi.
- Berasal dari Felda Ulu Tebrau dan menetap di Jalan Mewah Satu, Bandar Tun Razak, KL.

PERWATAKAN

1	Seorang yang bertanggungjawab.	<ul style="list-style-type: none"> - Seorang suami, bapa dan pekerja yang bertanggungjawab. - Usahanya mencari kos rawatan Nadhirah bukti dia seorang bapa yang bertanggungjawab. - Dia juga seorang pekerja yang sentiasa mematuhi peraturan di tempat kerjanya. - Walaupun sibuk menguruskan pelbagai perkara berhubung masalah pembedahan Nadhirah., Zulkifli tidak mengabaikan tugasnya di pejabat.
2	Seorang yang gigih berusaha	<ul style="list-style-type: none"> - Zulkifli melakukan pelbagai usaha untuk mengumpulkan kos rawatan Nadhirah. Dia juga melakukan kerja – kerja sambilan seperti menulis skrip drama. - Gigih berusaha memperbaiki taraf hidupnya demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Dia belajar secara sambilan di USM sehingga mendapat ijazah pertama, ijazah Sarjana Sastera dan meneruskan pengajian ke peringkat Ph.d. - Kegigihannya juga ditunjukkan melalui tindakannya bertemu Mohammad Yusof di Pejabat Utusan Melayu , supaya berita tentang Nadhirah dapat disiarkan di akhbar agar dapat mengundang simpati orang ramai meringankan bebanan kos rawatan anaknya.
3	Seorang yang tabah dan cekal	<ul style="list-style-type: none"> - Pelbagai dugaan dan cabaran kehidupan dilaluinya dengan semangat yang cekal. Hatinya tabah menghadapi penyakit Nadhirah dan kematian isterinya. - Selepas isterinya meninggal dunia, dia terus tabah meneruskan pengajiannya sehingga ke peringkat Ph.d - Dia tabah menghadapi saat – saat cemas sewaktu pembedahan Nadhirah dan Bushrah.
4	Seorang yang baik hati dan bersimpati.	<ul style="list-style-type: none"> - Peristiwa Zulkifli menyelamatkan pasangan Sikh yang terlibat dalam kemalangan menunjukkan sikap baik hati dan simpati kepada orang yang memerlukan pertolongan.walaupun dibantah oleh Busrah.
5	Seorang yang berfikir positif.	<ul style="list-style-type: none"> - Bagi Zulkifli tidak ada masalah yang tidak boleh diatasi jika kita berusaha. Dia yakin setiap kebaikan akan mendapat balasan yang baik. - Ketika keretanya rosak semasa perjalanan ke Felda Ulu Tebrau, dia tetap yakin ada orang yang akan membantunya, walaupun tiada kenderaan yang berhenti apabila dia menahannya. - Akhirnya seorang pemuda Cina bermotosikal telah menolong Zulkifli.
6	Seorang yang mengenang budi dan menghormati orang lain	<ul style="list-style-type: none"> - Dia amat menghormati Tan Sri Shamsuddin yang sudi membantu kos rawatan anaknya. - Zulkifli sentiasa ingat akan bantuan yang dihulurkan oleh orang ramai, jiran tetangga dan orang perseorangan seperti Tan Sri Shamsuddin. - Zulkifli juga amat menghormati ibu dan bapa mertuanya.
7	Seorang yang	<ul style="list-style-type: none"> - Kesyukuran kepada Bushrah sepanjang hayat. Apabila isterinya

	setia kepada isteri.	meninggal dunia, dia terus menduda.
8	Seorang yang penyayang kepada anak - anaknya	<ul style="list-style-type: none"> - Zulkifli melayani anak – anaknya dengan penuh kasih sayang sehinggalah mereka meningkat dewasa. - Menjaga Nadhirah dengan penuh kasih sayang ketika anaknya itu dirawat di hospital.
9	Seorang yang berdikari	<ul style="list-style-type: none"> - Sikap berdikari Zulkifli ditunjukkan melalui kerja kerasnya mengumpul wang untuk perubatan Nadhirah. - Dia tidak meminta bantuan orang lain, walaupun kepada ibu bapanya sendiri. Setelah keadaan terdesak barulah dia meminta bantuan Mohammad Yusof untuk menyiarkan berita penyakit Nadhirah untuk menarik perhatian masyarakat.

WATAK SAMPINGAN

BUSHRAH

LATAR BELAKANG

- Ibu kepada Nadhirah dan Nazli serta isteri Zulkifli.
- Seorang guru di Sekolah Bandar Tun Razak(2)
- Menjadi penderma hati kepada Nadhirah.
- Meninggal dunia lima tahun selepas pembedahan pemindahan hati.

PERWATAKAN

Bil	Perwatakan	Huraian/ccontoh
1	Seorang yang penyayang	<ul style="list-style-type: none"> - Busrah menyayangi suami dan anak – anaknya. Kasih sayangnya kepada Nadhirah dibuktikan dengan pengorbanannya untuk mendermakan sebahagian hati untuk menyelamatkan nyawa Nadhirah.
2	Seorang yang bertanggung-jawab	<ul style="list-style-type: none"> - Walaupun bertugas sebagai guru, Bushrah sentiasa memastikan tugas rumah tangganya sempurna setiap masa. - Jika Nadhirah tinggal bersendirian di rumah, dia akan sentiasa menelefon Nadhirah untuk memastikan keadaan Nadhirah. - Bushrah juga anak yang bertanggungjawab terhadap orang tuanya dengan mengirimi wang belanja.
3	Seorang yang tabah hati.	<ul style="list-style-type: none"> - Bushrah tidak pernah merungut apabila berdepan dengan pelbagai masalah malah selepas pembedahan dia sentiasa sakit – sakit, tetapi dirahsiakan daripada suami dan anak – anaknya.
4	Seorang yang setia dan patuh kepada suami.	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak pernah membantah keputusan yang dibuat oleh suaminya, Walaupun kadangkala keputusan suaminya itu tidak dipersetujuinya. Buktinya, dia tetap membantu suaminya menolong pasangan Sikh yang mendapat kemalangan.
5	Seorang yang tegas dalam pendiriannya	<ul style="list-style-type: none"> - Dia tetap bertegas untuk mendermakan hatinya kepada Nadhirah walaupun keputusannya menimbulkan kontroversi masyarakat.

--	--	--

NADHIRAH

LATAR BELAKANG

- Anak sulung Zulkifli dan Buhrah.
- Menghidap penyakit kerosakan hati yang dikesan ketika dalam darjah 4.
- Pernah menjalani pembedahan di HKL.
- Ketika usianya 14 tahun, penyakit hatinya semakin serius.

PERWATAKAN

Bil	Perwatakan	Huraian/ccontoh
1	Seorang yang taat kepada orang tua.	<ul style="list-style-type: none"> - Walaupun menghidap penyakit, Nadhirah sentiasa taat kepada kedua- dua orang tuanya. - Dia tidak membantah apabila terpaksa tinggal bersendirian ketika ibu bapanya bekerja.
2	Seorang yang berjiwa sensitif.	<ul style="list-style-type: none"> - Perasaan Nadhirah mudah tersentuh apabila mendengar lagu 'Kasih Ibu'. - Dia juga amat simpati kepada mangsa kemalangan yang dibantu oleh bapanya.
3	Seorang yang berani dan tabah.	<ul style="list-style-type: none"> - Nadhirah tidak gentar untuk menghadapi pembedahan walaupun dia tahu risiko yang akan dialaminya. - Dia berani bertanya kepada doktor tentang proses pembedahan yang akan berlaku. - Nadhirah begitu tabah menanggung kesakitan, malah sanggup pula belajar sendiri di rumah walaupun kesihatannya sering tidak stabil.
4	Seorang yang bijak dan tekun belajar.	<ul style="list-style-type: none"> - Nadhirah bercita –cita untuk menjadi doktor. - Dia seorang pelajar yang bijak, tetapi akibat penyakit hatinya, menyebabkan Nadhirah terpaksa banyak bercuti di rumah. - Walaupun tidak ke sekolah, Nadhirah tekun belajar dan membuat latihan di rumah dengan bimbingan Cikgu Khairani. - Selepas pulih daripada pembedahan dan penyakitnya, Nadhirah berjaya meneruskan pengajiannya di ITM dengan mengikuti kursus Diploma Perakaunan.
5	Seorang yang optimis dan tidak berputus asa.	<ul style="list-style-type: none"> - Dia amat yakin bahawa pembedahan pemindahan hati yang akan dijalannya akan berjaya. - Walaupun berpenyakit dia bercita-cita untuk menjadi doktor.

MULIYADI

LATAR BELAKANG

Bukan baik Zulkifli yang sama, sama bersakeloh rendah dengannya

- Mulyadi berketurunan Jawa- Melayu, bertugas sebagai pensyarah di ITM.
- Berkahwin dengan wanita Perancis, Saleha Brigitte.
- Mempunyai dua orang anak, Suliono Dimitri dan Kartini Colette.
- Menyambung pelajaran Ph.d di England.

PERWATAKAN

Bil	Perwatakan	Huraian/ccontoh
1	Seorang yang ikhlas dan baik hati	<ul style="list-style-type: none"> - Mulyadi membantu Zulkifli sekeluarga dengan ikhlas ketika mereka berada di London. - Dia sentiasa memberi perangsang dan semangat kepada Zulkifli ketika rakannya itu berdepan dengan masalah kesihatan Nadhirah. - Dia juga membawa Zulkifli dan keluarga melawat tepat-tempat menarik di London.
2	Seorang jujur dan prihatin	<ul style="list-style-type: none"> - Mulyadi sentiasa mengutus surat bertanyakan khabar Zulkifli sekeluarga terutama tentang Nadhirah. - Mengucapkan terima kasih atas kiriman berita dan artikel kepadanya oleh Zulkifli di alam suratnya.
3	Seorang yang bersimpati.	<ul style="list-style-type: none"> - Secara terbuka Mulyadi mengucapkan simpatinya kepada Zulkifli sebaik sahaja mengetahui masalah dan penyakit Nadhirah. - Dia sering melawat keluarga Zulkifli sewaktu di London.
4	Seorang yang rajin dan gigih berusaha.	<ul style="list-style-type: none"> - Mulyadi begitu gigih berusaha meningkatkan taraf akademiknya sehingga ke peringkat Ph.d
5	Seorang yang mempunyai jati diri.	<ul style="list-style-type: none"> - Walaupun beristerikan wanita Barat dan banyak menghabiskan waktu belajar di luar negara, Mulyadi tetap berjiwa Melayu dan tidak lupa kampung halamannya.

DR. TAN KAI CHAH

LATAR BELAKANG

- Doktor pakar hati yang berkhidmat Hospita King'sCollege,London.
- Beliau berhijrah ke London sejak tahun 1988 tetapi masih warganegara Malaysia. Beliau fasih bertutur berbahasa Melayu.
- Doktor yang mengetuai pembedahan pemindahan hati Bushrah dengan Nadhirah. Beliau telah menjalankan pembedahan hati sebanyak 450 kali.
- Menolak tawaran berkhidmat di Arab Saudi dan kembali ke Malaysia dengan membuka sebuah klinik.

PERWATAKAN

Bil	Perwatakan	Huraian/ccontoh
1	Seorang yang baik hati dan	<ul style="list-style-type: none"> - Pertemuan pertama Zulkifli denganya telah terjalin dalam suasana yang mesra

	berfikiran terbuka.	<ul style="list-style-type: none"> - Beliau melayani Zulkifli dengan baik tanpa mengira agama dan keturunan. - Mereka dapat bertukar-tukar pendapat secara terbuka.
2	Seorang yang cekap menjalankan tugas	<ul style="list-style-type: none"> - Kepakaran dan cara bekerja Dr. Tan Kai Chah membuktikan dia seorang doktor yang cekap dan pakar dalam tugasnya. - Beliau telah menjalankan pembedahan hati sebanyak 450 kali.
3	Seorang yang merendah diri	<ul style="list-style-type: none"> - Sikap rendah dirinya dibuktikan melalui sikap yang tidak berbangga terhadap kejayaan usahanya. - Beliau yakin segala kejayaannya adalah dengan pertolongan Tuhan.
4	Seorang yang bersimpati	<ul style="list-style-type: none"> - Beliau begitu simpati kepada Nadhirah dan melakukan yang terbaik untuk menjamin Nadhirah akan cepat pulih selepas pembedahan.

TAN SRI SHAMSUDDIN

LATAR BELAKANG

- Pemilik Syarikat Sapura Holding. Membiayai kos rawatan Nadhirah di London

PERWATAKAN

Bil	Perwatakan	Huraian/ccontoh
1	Seorang yang bersifat dermawan	<ul style="list-style-type: none"> - Walaupun kaya dan hidup mewah, beliau tidak menggunakan kemewahan itu untuk kepentingan diri sendiri.
2	Seorang yang simpati	<ul style="list-style-type: none"> - Beliau bersimpati dengan penderitaan Nadhirah dan menanggung kesemua kos rawatannya.
3	Seorang yang patuh pada suruhan agama	<ul style="list-style-type: none"> - Walaupun sibuk dengan urusan kerja, beliau tidak pernah lupa untuk mengerjakan sembahyang.

WATAK – WATAK PEMBANTU

PUAN SRI SAPURA

- Isteri Tan Sri Shamsuddin
- Bersifat dermawan seperti suaminya.

PAK RAMLI DAN MAK ZAHARAH

- Ibu bapa Busrah, mertua Zulkifli
- Sebelum pembinaan jambatan Sungai Linggi, Pak Ramli bekerja sebagai penambang di Sungai Linggi.
- Mereka memahami masalah yang dihadapi oleh Busrah.
- Menjaga Nazli semasa Busrah, Zulkifli dan Nadhirah ke London.

MAZIT

		= iv. Setelah mengakhiri perbualan mereka, Zulkifli bermohon pulang. =
8	Pengulangan frasa	- Orang kaya mesti bantu orang susah. Orang ada kepakaran bantu pesakit. - Tidak mungkin akan luput daripada ingatan, sebagaimana luputnya ia daripada pandangan. - Selagi nafas berdenyut, selagi itulah kita mesti mencari ilmu.
9	Metafora	Lubuk hati Lautan fikiran Tali hati Badai kehidupan
10	Lambang/symbolik	Panas salju = harapan yang tidak kesampaian. - Zulkifli berharap pengorbanan isterinya itu tidak mendatangkan kesan tetapi sebaliknya Bushrah meninggal dunia selepas 5 tahun memberikan sebahagian hatinya kepada Nadhirah.



NILAI KEMANUSIAAN

Bil	Nilai	Huraian/contoh
1	Baik hati	- Perasaan simpati sesama manusia atau lain – lain makhluk melahirkan keinginan untuk memberi bantuan dan pertolongan. - Zulkifli seorang yang baik hati kerana telah menolong pasangan Sikh yang terlibat dalam kemalangan. - Tan Sri Shamsuddin juga seorang yang baik hati kerana sanggup membiayai seluruh kos rawatan perubatan Nadhirah.
2	Kerajinan / Kegigihan	- Nilai ini dapat dirujuk kepada watak Zulkifli dan Mulyadi yang rajin menulis rencana sebagai kerja sambilan. - Mereka juga rajin/gigih menambahkan ilmu pengetahuan masing – masing dalam bidang akademik.
3	Tanggung-jawab	- Nilai ini merujuk sifat tanggungjawab seseorang kepada keluarga, masyarakat, pekerjaan, agama dan negara. - Zulkifli menunjukkan tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga dan pekerja. - Tan Sri Shamsuddin menunjukkan tanggungjawabnya sebagai anggota masyarakat yang menolong orang yang memerlukan. - Dr Tan Kai Chah menunaikan tanggungjawabnya sebagai warganegara apabila pulang menyumbangkan kepakarannya di tanah air.
4	Kasih sayang	- Nilai ini merujuk kasih sayang sesama ahli keluarga, sesama insan, agama dan bangsa. - Kasih sayang ibu yang luhur mendorong Bushrah berkorban nyawa untuk anaknya Bushrah. - Zulkifli amat menyayangi keluarganya sehinggakan sanggup membuat apa saja demi keselamatan isteri dan anaknya. - Dr. Tan Kai Chah sayang akan tanah air dan sanggup melepaskan peluang yang lumayan jika bertugas di Arab Saudi.
5	Hormat - menghormati	- Zulkifli dan Mulyadi hormat – menghormati antara satu sama lain. - Sebagai anak dan menantu, Busrah dan Zulkifli menghormati ibu dan bapa masing – masing.
6	Kesabaran/ Ketabahan	- Sabar/tabah menghadapi pelbagai dugaan adalah nilai murni yang perlu dimiliki oleh semua. - Zulkifli cukup sabar/tabah menerima segala masalah yang datang datang dalam kehidupan mereka sekeluarga. - Sabar / tabah menghadapi penyakit Nadhirah dan kematian Bushrah.

NILAI KEMASYARAKATAN

Bil	Nilai	Huraian/ccontoh
1	Kerjasama	<ul style="list-style-type: none"> - Nilai ini digambarkan dalam majlis kenduri perkahwinan adik Zulkifli dan majlis doa selamat sebelum Zulkifli berlepas ke London. - Hasil kerjasama banyak pihak, Nadhirah selamat menjalani pembedahan.
2	Semangat Kejiranan	<ul style="list-style-type: none"> - Ciri – ciri kejiranan yang positif ditonjolkan dalam novel ini. - Tindakan masyarakat taman perumahan tempat tinggal Zulkifli membantunya mengikut keupayaan masing – masing.
3	Tolong – menolong	<ul style="list-style-type: none"> - Nilai ini wujud tanpa mengira kaum, status dan agama. - Zulkifli membantu pasangan Sikh yang ditimpa kemalangan , manakala pemuda Cina menolong Zulkifli ketika keretanya rosak.
4	Masyarakat penyayang	<ul style="list-style-type: none"> - Nilai ini digambarkan melalui keprihatinan pelbagai golongan masyarakat kepada Nadhirah yang memerlukan pertolongan kerana penyakit hati. - Bukan sahaja Tan Sri Shamsuddin, malah pihak – pihak lain juga.

PENGAJARAN

Bil	Pengajaran	Huraian/ccontoh
1	Kita perlulah tabah dan sentiasa bersabar apabila menghadapi masalah.	<ul style="list-style-type: none"> - Zulkifli dan Bushrah tetap tabah dan sabar menerima takdir yang menimpa keluarga mereka seperti penyakit Nadhirah yang bertambah teruk. - Zulkifli tetap tabah meneruskan kehidupan apabila Bushrah meninggal dunia.
2	Kita janganlah cepat berputus asa apabila berdepan dengan dugaan dan kegagalan.	<ul style="list-style-type: none"> - Nadhirah pernah menjalani pembedahan di HKL tetapi tidak berupaya menyembuhkan penyakitnya. - Tanpa putus asa Zulkifli berusaha mengumpulkan kos rawatan Nadhirah di London pula.
3	Kita mestilah mensyukuri nikmat dan anugerah Tuhan.	<ul style="list-style-type: none"> - Orang yang bersyukur kepada kurniaan Tuhan akan menggunakan kekayaannya ke jalan yang diredai Tuhan. - Tan Sri Shamsuddin berkongsi kemewahannya dengan membiayai kos rawatan Nadhirah yang begitu besar jumlahnya.
4	Kita perlu bantu – membantu antara satu sama lain.	<ul style="list-style-type: none"> - Kita perlu membantu orang yang dalam kesusahan. - Zulkifli membantu mangsa kemalangan yang masih bernyawa dengan mengeneipkan kepentingan diri. - Hal yang sama juga dilakukan oleh Tan Sri Shamsuddin kepad keluarga Zulkifli.
5	Kita perlu menuntut ilmu tanpa mengira usia.	<ul style="list-style-type: none"> - Umur bukannya halangan untuk kita menuntut ilmu. - Zulkifli tetap meneruskan hasratnya menuntut ilmu dan belajar di luar kampus sehingga ke peringkat ijazah dan sarjana walaupun sudah berkeluarga dan bekerja.
6	Kita hendaklah	<ul style="list-style-type: none"> - Zulkifli amat menghargai pengorbanan isterinya yang rela

	pengorbanan orang lain.	selepas kematian isterinya,Bushrah.
7	Kita hendaklah bersimpati terhadap golongan yang memerlukan.	<ul style="list-style-type: none"> - Kita dapat mengurangkan penderitaan mereka. - Simpati daripada Tan Sri Shamsuddin telah menyelesaikan masalah kos rawatan Nadhirah.

BIODATA PENULIS NOVEL

Nama	Talib Samat
Tarikh Lahir	13 Mac 1959
Tempat Lahir	Senggarang, Batu Pahat,Johor
Tempat Dibesarkan	Felda Ulu Tebrau, Ulu Tiram, Johor
Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> - SRK Ulu Tiram - SRK Felda Ulu Tebrau - SMRK Majidi Baru - SM Sultan Ismail, Jb - USM
Pencapaian Akademik	<ul style="list-style-type: none"> - Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) - USM - Ijazah Sarjana Sastera (M.A) -USM - Ph.D -USM
Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> - Pensyarah kesusasteraan moden di Fakulti Bahasa, UPSI (1998 – sekarang) - Penolong Pegawai Perancang Bahasa di DBP (1984 – 1998) - Pegawai kerja pertahanan di Kementerian Pertahanan (1982 -1984) - Penolong Editor majalah Peneroka di Ibu Pejabat Felda KL (1981)
Bidang penulisan yang diceburi	Rencana, esei/kritikan sastera, puisi, cerpen remaja dan dewasa, novel remaja dan dewasa, drama televisyen, agama, sejarah, biografi, dan umum.
Hasil penulisan	<ul style="list-style-type: none"> - Sehingga kini lebih 40 buah buku dihasilkan. - 99 Nama Allah Yang Termasyhur (buku agama) - Bumi Merdeka (novel dewasa) - 1987 - Mencari Keredaan-Mu (novel remaja) - 1989 - Gores – Gores Kenangan (novel remaja) - 1990 - Panggilan Jihad(novel remaja) - 1993 - Panas Salju (novel remaja) - 1995 - Melewati Zon Selesa (novel remaja) - Anak Pulau Mengejar Impian(novel remaja) - Hanya Sampai di Sini (cerpen) - 1991 - Lambaian Tanah Suci (cerpen) - Subuh (drama pentas) - 1996 - Puisinya termuat dalam Mother Earth International Journal Vol. 4, No. 2

penulisan	<p>Kewartawanan dan Kesusasteraan – 1998)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memenangi lebih sepuluh hadiah dalam sayembara penulisan di negara ini dalam bidang esei, buku kajian, novel remaja, rencana, esei/kritikan, ulasan buku dan ulasan filem. - Hadiah Cipta Karyawan Muda Johor 1999
Penglibatan sebagai aktivis sastera	<ul style="list-style-type: none"> - AJK Persatuan Karyawan Perak 2000-2001 - Ketua Dua Persatuan Penulis Kuala Lumpur (KALAM) 1998 - 2001 - Setiausaha Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia (PKBM) 1996 – 2000 - AJK Persatuan Penulis Johor (PPJ) 1991 - 1993